PETRONAS DAGANGAN BERHAD

Promosi "PETRONAS Dynamic Diesel Euro 5 with Pro-Drive x Rainforest Challenge 2026" TERMA DAN SYARAT

1.0 Penganjur

1.1 PETRONAS Dagangan Berhad ("PDB") ialah penganjur bagi Promosi "PETRONAS Dynamic Diesel Euro 5 with Pro-Drive x Rainforest Challenge 2026" ("Promosi") ini

1.2 Terma dan syarat berikut akan mengawal Promosi ini. Dengan menyertai Promosi ini, anda dianggap telah bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini, termasuk sebarang pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa tanpa sebarang had atau pengecualian.

2.0 Kelayakan

2.1 Promosi ini terbuka kepada pelanggan PETRONAS ("Pelanggan") yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat ini di stesen PETRONAS yang mengambil bahagian di Kelantan ("Pelanggan Layak").

2.2 Kempen ini terbuka kepada pelanggan yang memenuhi semua syarat berikut:

a) Ahli program kesetiaan PETRONAS Mesra yang berdaftar dan aktif yang mempunyai sama ada kad Mesra maya di aplikasi Setel atau memasukkan nombor telefon bimbit mereka di kaunter atau dispenser minyak semasa pembayaran untuk memperoleh mata Mesra; dan
b) Warganegara Malaysia

2.3 Sekiranya seseorang Pelanggan didapati tidak layak pada bila-bila masa semasa atau selepas Tempoh Promosi, PDB berhak menurut budi bicara mutlaknya untuk membatalkan kelayakan pelanggan tersebut dan membatalkan/menarik balik/mendapatkan semula sebarang ganjaran yang telah ditebus. Jika ganjaran tersebut telah digunakan atau dinikmati, pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi PDB atas kos ganjaran tersebut dan PDB berhak mengambil sebarang tindakan yang difikirkan perlu terhadap pelanggan berkenaan.

3.0 Tempoh Promosi

Melainkan dimaklumkan sebaliknya oleh PDB, Tempoh Promosi akan berlangsung dari 19 Oktober 2026 hingga 2 November 2026 (termasuk kedua-dua tarikh) ("Tempoh Promosi").

4.0 Ganjaran & Mekanik Promosi

Ganjaran	Mekanik & Butiran
Pelekat Kereta Eksklusif PETRONAS Dynamic Diesel Euro 5 with Pro-Drive x Rainforest Challenge 2026	Belanjakan minimum RM70 (selepas penggunaan subsidi yang berkenaan) untuk PETRONAS Dynamic Diesel Euro 5 with Pro-Drive dalam satu transaksi

	tunggal menggunakan keahlian Mesra Rewards anda untuk menebus satu (1) Pelekat Kereta PETRONAS Dynamic Diesel Euro 5 with Pro-Drive x Rainforest Challenge 2026 dengan; *a) Menggunakan aplikasi Setel; ATAU* *b) Memasukkan nombor telefon bimbit di kaunter atau dispenser minyak semasa pembayaran.* 1. Pelanggan Yang Layak perlu berbelanja untuk PETRONAS Dynamic Diesel Euro 5 with Pro-Drive di mana-mana stesen PETRONAS di Kelantan sahaja bagi tujuan penebusan di kaunter Kedai Mesra. 2. Pelanggan Yang Layak mesti menggunakan aplikasi Setel ATAU memasukkan nombor telefon bimbit yang telah didaftarkan dengan keahlian Mesra Rewards mereka (di kaunter atau dispenser minyak semasa pembayaran) bagi memastikan setiap transaksi direkodkan dalam sistem PETRONAS. 3. Pelanggan Layak perlu mengemukakan resit fizikal atau digital di kaunter pembayaran Kedai Mesra di stesen PETRONAS yang sama di mana transaksi yang layak dibuat untuk menebus satu (1) pelekat kereta PETRONAS Dynamic Diesel Euro 5 with Pro-Drive x Rainforest Challenge 2026. 4. Setiap Pelanggan Layak hanya berhak menebus satu (1) pelekat kereta sehari, tanpa mengira bilangan transaksi yang layak dibuat pada hari tersebut. 5. Setiap Pelanggan Layak mesti menebus pelekat kereta tersebut pada hari yang sama seperti transaksi yang layak yang tertera pada resit. 6. Penebusan adalah tertakluk kepada ketersediaan stok di stesen PETRONAS yang berkenaan dan berdasarkan prinsip siapa cepat dia dapat.

5.0 Lain-Lain

5.1 PDB berhak membatalkan kelayakan mana-mana pelanggan yang tidak layak atau yang tidak mematuhi Terma dan Syarat ini.

5.2 PDB berhak pada bila-bila masa, mengikut budi bicara mutlaknya dan tanpa notis awal, menggantikan mana-mana ganjaran dengan item lain yang mempunyai nilai yang sama atau lebih tinggi

5.3 PDB, pekerjanya, syarikat induk, anak syarikat atau syarikat bersekutu, pekerja Kumpulan PETRONAS, pengusaha stesen PETRONAS dan rakan kerjasama yang mengambil bahagian tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh pelanggan akibat penyertaan atau ketidaksertaan dalam Promosi ini..

5.4 Dengan menyertai Promosi ini, pelanggan dianggap telah menerima sepenuhnya semua terma dan syarat Promosi ini dan selanjutnya:

i) bersetuju untuk bekerjasama dan mematuhi permintaan munasabah PDB berhubung Promosi ini;
ii) bersetuju dengan pendedahan, penyimpanan, pemprosesan dan penggunaan maklumat peribadi mereka oleh PDB dan penyedia perkhidmatan berkaitan bagi tujuan mengurus, mempromosi dan menjalankan Promosi;
iii) bersetuju bahawa nama dan gambar mereka boleh digunakan bagi tujuan mengurus, mempromosi dan menjalankan Promosi; dan
iv) bersetuju menerima maklumat promosi, pemasaran dan publisiti lain daripada PDB dari semasa ke semasa.

5.5 Terma dan syarat ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam sebarang risalah atau bahan promosi lain berkaitan Promosi ini .

5.6 PDB berhak untuk mengubah, meminda atau mempelbagaikan terma dan syarat Promosi ini pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknya. Terma dan syarat terkini akan disediakan di www.mymesra.com.

5.7 PDB berhak untuk membatalkan, memendekkan, melanjutkan, menggantung atau menamatkan Promosi ini pada bila-bila masa sebelum tamat Tempoh Promosi tanpa memberikan notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, sebarang pembatalan, lanjutan, penggantungan atau penamatan Promosi ini sebelum tamat Tempoh Promosi tidak akan memberikan hak kepada Pelanggan untuk menuntut sebarang pampasan daripada PDB bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan akibat daripada pembatalan, lanjutan, penggantungan atau penamatan tersebut.

5.8 PDB, pekerjanya, syarikat induk, anak syarikat atau syarikat bersekutu, pekerja Kumpulan PETRONAS, pengusaha stesen PETRONAS dan rakan kerjasama yang mengambil bahagian tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan yang berpunca daripada bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan kerja, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah mereka

5.9 PDB merupakan pihak berkuasa muktamad dalam menentukan tafsiran terma dan syarat ini serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengan Promosi ini..

5.10 Sebarang kegagalan PDB untuk menguatkuasakan mana-mana terma dan syarat Promosi ini tidak boleh dianggap sebagai pelepasan hak terhadap terma dan syarat tersebut..

5.11 Sebarang pertanyaan lanjut mengenai terma dan syarat Promosi ini boleh diajukan kepada MESRALINK di talian 1 300 22 8888.

6.0 Data Peribadi

Dengan menyertai Promosi ini, pelanggan dianggap telah bersetuju dan memberi kebenaran kepada PDB dan/atau Setel, mengikut mana yang berkenaan, untuk mengumpul, memproses, menggunakan, mendedahkan dan menyimpan data peribadi mereka yang diperoleh sama ada melalui aplikasi Setel atau kaedah lain sebagaimana yang dinyatakan dalam Notis Data Peribadi yang dikeluarkan menurut Seksyen 7 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, yang boleh dirujuk di:, www.mymesra.com.my/pdpa dan https://www.setel.com/privacy

7.0 Undang-Undang Yang Terpakai

Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.